

Kementerian Pelajaran maju ilmu modal insan

BH - 9/10/2006.

Kerajaan setuju tubuh Institut Pembangunan Pendidikan Islam

Oleh Wan Jailani Razak

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan bersetuju menubuhkan Institut Pembangunan Pendidikan Islam bagi memperkasa program ilmu Kementerian Pelajaran berkaitan pembangunan modal insan.

“Datuk Seri Hishammuddin Hussein (Menteri Pelajaran) tadi bertanya sama ada kita boleh buat institut ini... bolehlah kita usahakan,” kata Perdana Menteri ketika merasmikan Majlis Khatam al-Quran Perdana Sekolah-Sekolah Rendah Dalam Program j-QAF Kementerian Pelajaran Peringkat Kebangsaan 2006 di Kompleks Belia dan Kebudayaan, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Hishammuddin dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Ahamad Sipon.

Abdullah berkata, Kementerian Pelajaran berjaya melaksanakan tanggungjawab yang lebih penting untuk memastikan murid mengaji al-Quran sehingga khatam.

“Dulu saya selalu fikir kenapa orang kata sistem pendidikan kita tidak Islamik dan selepas saya fikir, mungkin ilmu yang kita ajar itu berseesuaian dan baik untuk manusia tetapi tidak dimasukkan satu mata pelajaran membaca al-Quran sehingga khatam yang perlu dilakukan dalam sistem persekolahan.

“Sebab itu dicadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengadakan pelajaran membaca al-Quran dengan sempurna,” katanya.

Berikutan itu, katanya, adalah menjadi satu ibadah kepada guru dan ibu bapa untuk melengkapkan anak mereka dengan ilmu pengetahuan.

Hishammuddin ketika diminta menengulas cadangannya mengenai penubuhan institut itu berkata, ia ada kaitan dengan penyelidikan perancangan program kementerian dan pendidikan agama, untuk masa kini

dan akan datang.

Katanya, pihaknya akan menyediakan perancangan penubuhan institut itu dan berbincang dengan Perdana Menteri dalam masa terdekat sebelum diumumkan kepada orang ramai.

Dari segi tenaga pengajar, katanya, j-Qaf bukan saja celik al-Quran, tetapi asas Bahasa Arab, fardu ain dan penguasaan penulisan serta pembacaan Jawi.

“Kaedahnya, perkakasannya, tenaga pengajarnya mesti dirancang, dilatih dan diperoleh. Melalui institusi ini banyak yang perlu dibincangkan supaya tiada pembaziran,” katanya.

“Manusia mesti menuntut ilmu kerana tanpa ilmu, manusia tidak akan mengenal Tuhan dan mengenali nikmat yang diberikan Allah”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Sehingga kini, 1,180 murid dari sekolah rendah di seluruh negara yang terbabit dengan pelaksanaan j-Qaf berjaya khatam al-Quran.

Program cetusan Perdana Menteri itu dilaksanakan Kementerian Pelajaran sejak 2005 di 1,221 sekolah rendah terpilih di seluruh negara dengan pembabitan 3,663 guru dan 132,226 pelajar.

Tahun ini, program diperluaskan kepada 1,235 sekolah rendah menjadikan 2,456 sekolah rendah terbabit. Jumlah guru j-Qaf pada tahun ini bertambah kepada 7,368 orang manakala jumlah murid terbabit 244,542 orang.